

<b>PRODUCT DISCLOSURE SHEET</b>	<b>HONG LEONG ASSURANCE BERHAD</b>
<b>Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil <b>Hong Leong SMART Saver Plus Insurance</b>. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.</b>	<b>Hong Leong SMART Saver Plus Insurance</b>
	<<Tarikh>>

Nota Penting: Produk ini ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, sebuah syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**1. Apakah produk ini?**

Ini merupakan pelan endowmen tanpa penyertaan dengan tempoh pembayaran terhad 5 tahun dan tempoh perlindungan 20 tahun.

**2. Apakah faedah yang disediakan?**

Jumlah Asas Diinsurankan bagi pelan ini adalah RM dan tempoh perlindungan adalah 20 tahun atau apabila penamatan, yang mana berlaku terlebih dahulu.

**Bayaran Tunai Terjamin (GCP)**

GCP sebanyak RM akan dibayar setiap tahun jika Hayat Diinsurankan masih hidup pada akhir setiap tahun polisi bermula dari akhir tahun polisi 5 sehingga polisi matang pada tahun polisi 20 atau tamat, yang mana lebih awal.

Pemunya Polisi boleh memilih untuk:

- (a) membayar keluar GCP;
  - (b) mengumpul GCP dengan Syarikat untuk mendapat faedah pada kadar sebagaimana yang diisytiharkan oleh Syarikat dari semasa ke semasa;
  - (c) melabur semula GCP ke dana yang disediakan oleh Syarikat, yang mana jumlah boleh dilihat dalam Nilai Akaun; atau
  - (d) membayar keluar sebahagian, mengumpul sebahagian, atau melabur semula sebahagian daripada GCP ke dana yang disediakan oleh Syarikat;
- Kadar faedah sebenar yang digunakan untuk GCP yang dikumpul dengan Syarikat bagi produk yang merupa bagi tahun semasa adalah 3.50% setahun.

**Faedah Kematian/ Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)**

Apabila Hayat Diinsurankan meninggal dunia/ TPD (sebelum mencapai umur 65 tahun), Faedah Kematian/ TPD Terjamin adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah, GCP terkumpul (jika ada) dan Nilai Akaun (jika ada) akan dibayar.

Tahun Polisi	Faedah Kematian/ TPD Terjamin	
	Umur Kemasukan 0-45	Umur Kemasukan 46-60
1 ke 5	150% daripada Jumlah Asas Diinsurankan	125% daripada Jumlah Asas Diinsurankan
6 ke 10	200% daripada Jumlah Asas Diinsurankan	150% daripada Jumlah Asas Diinsurankan
11 ke 15	250% daripada Jumlah Asas Diinsurankan	175% daripada Jumlah Asas Diinsurankan
16 ke 20	300% daripada Jumlah Asas Diinsurankan	200% daripada Jumlah Asas Diinsurankan

Sekiranya berlaku kematian atau TPD sebelum umur 5 tahun, Jumlah Asas Diinsuranskan akan dikurangkan seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

<b>Umur ketika kematian / TPD (hari jadi lepas)</b>	<b>Peruntukan untuk Juvenil (% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan perlu dibayar)</b>
0, 1	20%
2	40%
3	60%
4	80%

Setelah pembayaran faedah ini, polisi akan ditamatkan dengan serta-merta dan tiada faedah selanjutnya akan dibayar.

Faedah TPD akan dibayar mengikut peruntukan TPD yang dinyatakan di dalam polisi.

Peruntukan Had Faedah TPD setiap hayat

<b>Umur ketika TPD (hari jadi lepas)</b>	<b>Had Faedah TPD setiap Hayat</b>
Kurang daripada 7	RM 100,000
7 sehingga kurang daripada 15	RM 500,000
15 sehingga kurang daripada 65	RM 10,000,000

Jumlah Faedah TPD setiap hayat yang dibayar bagi semua polisi yang menginsuranskan Hayat Diinsuranskan tidak akan melebihi Had Faedah TPD setiap hayat yang dinyatakan di atas. Jumlah Faedah TPD setiap hayat merujuk kepada liputan TPD bagi semua polisi yang berkuatkuasa bagi setiap Hayat Diinsuranskan ketika tuntutan dibuat selepas Peruntukan untuk Juvenil diaplikasikan. Hayat Diinsuranskan tidak lagi berhak untuk menuntut Faedah TPD apabila Hayat Diinsuranskan mencapai umur 65.

Jika jumlah amaun yang dibayar bagi semua polisi yang berkuatkuasa yang memberi Faedah TPD ketika tuntutan dibuat melebihi had faedah yang dinyatakan di atas, hanya Had Faedah TPD setiap hayat akan dibayar. Semua premium yang perlu dibayar pada masa hadapan akan dikecualikan bermula dari tarikh ulang tahun polisi seterusnya bagi polisi masing-masing. Apabila Faedah TPD dibayar, Faedah Kematian dan Faedah Kematangan akan dilaraskan sewajarnya.

Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut.

#### **Faedah Kematangan**

Setelah Hayat Diinsuranskan terus hidup hingga kematangan pada tahun polisi 20, faedah kematangan bersamaan dengan jumlah RM 18,000.00, GCP terkumpul (jika ada) dan Nilai Akaun (jika ada) akan dibayar dalam bentuk bayaran tunai sekaligus.

### **3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang perlu anda bayar berbeza mengikut kriteria pengunderaitan dan penilaian risiko kami.

Anggaran premium yang perlu anda bayar adalah seperti berikut:

Pelan/Rider	Jenis	Premium Perlu Dibayar			
		Tahunan (RM)	Setengah Tahunan (RM)	Suku Tahunan (RM)	Bulanan (RM)
Hong Leong SMART Saver Plus Insurance	Pelan Asas				
<b>Jumlah</b>					

Nota : Premium yang dibayar adalah tertakluk kepada premium modal minimum setiap polisi yang dibenarkan berdasarkan frekuensi bayaran seperti yang ditetapkan oleh Syarikat dalam jadual di bawah:

Frekuensi Bayaran Premium	Tahunan (RM)	Setengah Tahunan	Suku Tahunan (RM)	Bulanan (RM)
Premium Modal Minimum setiap polisi				

Sebarang premium modal setiap polisi kurang daripada yang dinyatakan di atas tidak akan diterima.

Tempoh Premium:

Pelan/Rider	Jenis	Hayat-hayat yang Diinsuranskan	Premium dibayar berdasarkan umur Hayat Diinsuranskan Ke-1 pada awal tahun polisi sehingga umur
Hong Leong SMART Saver Plus Insurance	Pelan Asas	Hayat Diinsuranskan	Sehingga

Itu adalah penting bahawa anda menerima dan menyimpan resit anda sebagai bukti pembayaran premium.

#### 4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Komisen adalah berkenaan. Premium dan sebarang pelaburan semula daripada tuntutan atau faedah yang dibayar, jika berkenaan, untuk polisi yang diperuntukkan kepada organisasi perniagaan akan tertakluk kepada 6% cukai perkhidmatan.

#### 5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan – anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda yang sebenar.
- Tempoh bertenang – anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran polisi. Premium dan sebarang cukai yang berkenaan yang telah anda bayar (selepas menolak perbelanjaan perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda dengan tanpa faedah.
- Anda akan diberi tiga puluh (30) hari tempoh tangguh bagi pembayaran premium berikutnya.
- Anda patut berasa puas hati bahawa polisi ini dapat memenuhi keperluan anda dan anda berupaya untuk menanggung bayaran premium polisi ini.
- Sila perhatikan kesan penukaran polisi daripada satu penanggung insurans kepada yang lain, atau berpindah daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain – sebagai contoh, anda mungkin tertakluk kepada terma dan syarat yang baru oleh polisi baru atau penanggung insurans baru.
- Terdapat peruntukan untuk penamaan dan penyerahan hak. Dimaklumkan bahawa penama perlu dilantik dan pastikan penama mengetahui tentang polisi yang anda beli.
- Kesemua permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan pengunderaitan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

**Faedah Kematian**

Faedah kematian tidak akan dibayar bagi keadaan berikut:

- Kematian Hayat Diinsuranskan akibat membunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan pertama dari Tarikh Penyertaan, Tarikh Pindaan Efektif atau Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian.

**Faedah TPD**

Polisi ini tidak memberi perlindungan TPD yang:

- a) wujud sebelum atau pada Tarikh Penyertaan, Tarikh Pindaan Efektif atau Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian; dan
- b) berpunca secara langsung atau tidak langsung:
  - daripada sebarang kecederaan anggota badan yang disengajakan pada keadaan waras atau tidak waras;
  - daripada menaiki kapal terbang (kecuali sebagai anak kapal, atau sebagai penumpang kapal terbang, dalam penerbangan berjadual tetap daripada sistem penerbangan komersil); atau
  - ketika Hayat Diinsuranskan berkhidmat dalam angkatan bersenjata, polis dan separa tentera yang disebabkan oleh peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, rusuhan atau kekecohan sivil.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada Hong Leong Assurance Berhad. Selepas tempoh bertenang, nilai penyerahan tunai (jika ada) bagi polisi anda akan dibayar kepada anda selepas anda membatalkan polisi ini. Namun, begitu, amaun yang dibayar akan kurang daripada premium yang telah anda bayar.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?**

Anda mestilah memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan butiran perhubungan anda (termasuk butiran bagi penama dan/atau pemegang amanah) bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans hayat, sila rujuk buku panduan insuranceinfo tentang 'Life Insurance', yang disediakan di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah daripada pengantara jualan kami atau layari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Hong Leong Assurance Berhad**  
**Level 3, Tower B, PJ City Development**  
**No 15A, Jalan 219, Seksyen 51A**  
**46100 Petaling Jaya, Selangor**  
**P.O.Box 120, 46710 Petaling Jaya**

**Pengantara:**

**Hong Leong Bank Berhad**  
**Level 1, Menara Hong Leong**  
**No. 6, Jalan Damanlela**  
**Bukit Damansara**  
**50490 Kuala Lumpur**

**Tel: 03 - 7650 1288**

**Faks: 03 - 7650 1299**

Laman Web: [www.hla.com.my](http://www.hla.com.my)

**10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan**

Sila rujuk pengantara jualan kami untuk jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

**MAKLUMAN PENTING:**

**ANDA PATUT BERASA PUAS HATI BAHAWA POLISI INI DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PATUT MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA JUALAN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK KETERANGAN YANG LEBIH LANJUT.**

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah setakat 1/8/2020

## Panduan Perkhidmatan - Perkhidmatan Kami Kepada Anda

Bank menawarkan pelbagai produk insurans Hong Leong Assurance melalui cawangannya di seluruh negara. Jika anda ingin membeli produk insurans hayat daripada Jurubank Peribadi/Wakil Bank kami, anda boleh menikmati perkhidmatan nilai tambahan berikut:

Sebelum Anda Membeli Polisi	Apabila Anda Membuat Keputusan untuk Membeli Polisi	Semasa Tempoh Polisi
<p><b>Membantu Anda Memilih Pelan Insurans Yang Sesuai</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>* Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan dengan anda untuk lebih memahami keperluan insurans dan matlamat kewangan anda.</li><li>* Mencadangkan pelan insurans yang sesuai selepas menilai keperluan anda.</li></ul> <p><b>Menerangkan Ciri-Ciri Produk</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>* Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium dan caj-caj.</li><li>* Menyediakan Risalah Pendedahan Produk, untuk membantu anda membuat keputusan yang tepat dan untuk memudahkan perbandingan produk.</li></ul>	<p><b>Membantu Anda Dengan Permohonan Polisi</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>* Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat.</li><li>* Menghantar permohonan untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang permohonan.</li><li>* Mengatur untuk pemeriksaan kesihatan di salah satu daripada klinik panel kami, jika diperlukan.</li><li>* Memberi maklumat dan memaklumkan kepentingan membuat penamaan untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar akan diterima oleh benefisiari anda sekiranya berlaku kematian.</li></ul> <p><b>Menerangkan Terma Dan Syarat Polisi</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>* Dokumen polisi anda akan dihantar kepada anda (melalui serahan tangan, pos atau secara elektronik) dalam masa 7 hari dari tarikh polisi dikeluarkan.</li><li>* Meneliti kandungan terma-terma dan syarat-syarat polisi untuk memastikan pelan yang dibeli sesuai dengan keperluan anda.</li></ul>	<p><b>Perkhidmatan Polisi Yang Berterusan</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>* Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan anda kepada Hong Leong Assurance Berhad, cth. pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran premium.</li></ul> <p><b>Membantu Anda Membuat Tuntutan</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>* Membantu untuk mengemukakan borang tuntutan dan dokumen kepada Hong Leong Assurance Berhad.</li></ul>

### Portal Pelanggan

Sila layari sesawang korporat Hong Leong Assurance Berhad di <https://www.hla.com.my>. Apabila anda berada di sesawang tersebut, sila klik pada banner HLA360° untuk akses dalam talian kepada maklumat polisi anda.

Jika anda memerlukan maklumat lanjut atau bantuan daripada Hong Leong Assurance Berhad, sila hubungi Hong Leong Assurance Berhad di 03-7650 1288 atau e-mel Hong Leong Assurance Berhad di [customerservice@hla.hongleong.com.my](mailto:customerservice@hla.hongleong.com.my).